

Dr. Mahathir dinasihati henti buat kenyataan

PETALING JAYA 2 Sept. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dinasihati supaya lebih bersikap terbuka dan berhenti membuat kenyataan demi mencapai misi dan visi pembangunan nasional.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, jika dibiarkan berlarutan, kenyataan Dr. Mahathir mungkin mengganggu kelancaran rancangan pembangunan kerajaan.

"Walaupun kenyataan Dr. Mahathir itu tidak dianggap menggugat tetapi mengganggu kerana kita terhalang pada isu-isu remeh dan tidak utama lagi.

"Kerajaan telah menjelaskan dan jika pihak Tun tidak berpuas hati, kita tidak boleh buat apa-apa, kerana kita hendak menumpukan kepada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan jadi sebuah negara maju," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan

UMNO Bahagian Subang, di sini hari ini.

Ditanya kemungkinan Dr. Mahathir berundur daripada UMNO, Muhyiddin berkata: "Sukar saya hendak buat andaiian kerana banyak pihak menyatakan Tun mungkin tidak akan berundur sebab itu dia hendak jadi perwakilan dan buat kenyataan bahawa UMNO pantas dia dan sebagainya.

"Kenyataan begini yang menyusahkan pemikiran kita, sama ada dia mahu atau tidak terserah pada dirinya," jelasnya.

Ditanya apakah perbalahan ini akan menjejaskan nama baik Malaysia, Muhyiddin berkata, ia boleh terjejas memandangkan Dr. Mahathir adalah bekas Perdana Menteri dan bekas Presiden UMNO yang dikenali serta dihormati di negara-negara Islam serta menjadi jurucakap kepada negara dunia ketiga.

"Kita tidak mahu masyarakat an-

tarabangsa menyoal tentang kepimpinan kita kerana simbol kekuatan dan perpaduan kita selama ini ialah pada presiden parti dan Perdana Menteri," jelasnya.

Sementara itu beliau mengalu-alukan tindakan kerajaan dalam Bajet 2007 menghapuskan semua uran peperiksaan sekolah yang utama.

Beliau berkata, langkah itu membuktikan kerajaan prihatin tentang pelajaran anak-anak sehingga sanggup mengorbankan pendapatan negara.

"Sikap kerajaan sedemikian bukan bermakna kita menuju ke arah negara kebajikan kerana langkah itu diambil mengikut kehendak rakyat terutama yang berpendapatan kecil.

"Jangan pula anak-anak tidak mahu mengambil peperiksaan kerana tidak perlu membayar uran lagi." katanya.